

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 1/2019**

=====

**LANJUTAN TEMPOH PEMAKAIAN KAEDAH PEMBAYARAN
PREMIUM DAN PREMIUM TAMBAHAN
KE ATAS KELULUSAN PERMOHONAN PEMBERIMILIKAN DAN
PEMBANGUNAN TANAH DI NEGERI SELANGOR**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Pentadbir Tanah Daerah mengenai pelanjutan tempoh pemakaian Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 1/2016 bagi tempoh sehingga 31 Disember 2020 yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 38/2018 pada 12 Disember 2018 dan disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 1/2019 pada 16 Januari 2019.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Tempoh pemakaian Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 1/2016 mengenai Kaedah Pembayaran Premium dan Premium Tambahan ke atas Kelulusan Permohonan Pemberimilikan dan Pembangunan Tanah di Negeri Selangor telah tamat pada 31 Disember 2018.

2.2 Walau bagaimanapun Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 38/2018 pada 12 Disember 2018 dan disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 1/2019 pada 16 Januari 2019 telah meluluskan untuk melanjutkan pemakaian pekeliling bagi tempoh **2 tahun lagi mulai 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2020.**

3. **KAEDAH BAYARAN PREMIUM DAN PREMIUM TAMBAHAN**

Kaedah bayaran premium dan premium tambahan dikekalkan mengikut Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 1/2016.

4. **TARIKH KUAT KUASA DAN PEMAKAIAN**

4.1. Pekeliling ini hendaklah dipatuhi semua Pentadbir Tanah Daerah dan dibaca bersama Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 1/2016.

4.2. Pekeliling ini berkuatkuasa **serta merta sehingga 31 Disember 2020.**


(DATO' HAJI ZULKEFLI @ ZULKEFLI BIN KHALID D.P.M.S., S.I.S.)

Pengarah Tanah dan Galian Selangor

Bertarikh:

10 Julai 2019.